

## **Model CMIO harus sentiasa disemak semula sedang landskap berbilang budaya jadi kian kompleks: Edwin Tong**

*Berita Mediacorp*, 20 January 2025

SINGAPURA: Model CMIO (Cina-Melayu-India-Lain) perlu sentiasa disemak semula bagi mencerminkan landskap berbilang budaya yang semakin kompleks di Singapura, kata Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia Edwin Tong pada Isnin (20 Jan).

**Menjawab soalan daripada hadirin di persidangan Institut Pengajian Dasar (IPS) mengenai membina masyarakat yang lebih kukuh, Encik Tong akur bahawa adanya perbahasan berterusan mengenai sama ada langkah mengkategorikan CMIO mencerminkan identiti Singapura yang semakin berubah-ubah.**

Model kaum CMIO adalah alat pentadbiran bagi pemerintah untuk menguruskan dasar berkaitan kaum.

Beliau memberikan contoh seseorang dalam perkahwinan campur.

“Jika anda mempunyai perkahwinan campur, (dan itu) adalah sesuatu yang benar-benar menjadi jati diri anda, dan untuk dimasukkan ke dalam kategori (CMI) atau O, saya rasa itu tidak cukup adil,” katanya.

“Bagi saya, sama ada kita harus sentiasa menyemak semula dan memikirkannya, jawapannya adalah ya. Jawapannya semestinya ya, kerana ia adalah sesuatu yang semakin berleluasa hari ini.”

Namun, Encik Tong berkata bahawa rangka kerja CMIO terus mencapai objektif utama, terutamanya dalam memupuk campuran sosial melalui dasar seperti Dasar Integrasi Etnik (EIP) dalam perumahan awam.

Di bawah EIP, kuota kaum ditetapkan untuk pemilikan flat bagi blok perumahan awam dan kejiranan berdasarkan komposisi etnik Singapura.

“Buat masa ini, saya tidak pasti ada cara yang lebih baik untuk mencapai hasil yang lebih penting, iaitu campuran sosial yang disengajakan,” katanya.

### **ANAK WATAN DAN WARGA BAHARU SINGAPURA**

Encik Tong juga membincangkan mengenai integrasi warga baharu (naturalised) dengan anak watan Singapura, memandangkan kadar kesuburan di negara ini rendah.

Kadar kesuburan Singapura jatuh di bawah 1.0 buat pertama kalinya pada 2023, mencatatkan paras paling rendah iaitu 0.97.

Menjawab soalan mengenai merapatkan jurang antara pelajar dari sekolah antarabangsa dan sekolah tempatan, beliau menekankan bahawa memupuk campuran sosial adalah penting, memandangkan adanya cabaran demografi Singapura dan kebergantungannya pada imigresen untuk menyokong tenaga kerjanya.

“Oleh itu, semakin kerap kita boleh menyepadukan warga asing tempatan, semakin kerap kita boleh mengintegrasikan warga baharu dengan anak watan Singapura,” kata Encik Tong. “Dan diharapkan, dari masa ke masa, kita tidak lagi melihat ini sebagai jurang atau pemisah.”

Walaupun dasar imigresen Singapura berusaha untuk mengekalkan perkadaran kaum dalam jumlah penduduk, warga Singapura yang dilahirkan di luar negara mungkin membawa perspektif yang berbeza, yang memerlukan usaha integrasi.

Untuk menangani hal ini, Singapura memperkenalkan program untuk bakal warga baharu dan penduduk tetap melalui Persatuan Rakyat, serta penyokong integrasi dan naturalisasi (INC).

Syarikat-syarikat juga menjalankan program untuk membiasakan pendatang baharu dengan norma tempatan.

Namun, ia memerlukan usaha bersama, dan anak watan Singapura turut memainkan peranan, kata Encik Tong.

“Kita juga harus melihat ini sebagai satu proses di mana mereka lebih bersifat seperti rakyat Singapura dari sego pandangan, kepercayaan, amalan mereka, dan juga dalam cara mereka bercakap,” katanya.

“Inilah cara kita mencari titik tengah bagi perbezaan antara kedua-dua pihak.”

## **FABRIK SOSIAL**

Dalam ucapannya sebelum sesi soal jawab, Encik Tong menekankan pentingnya untuk mengekalkan fabrik sosial Singapura sambil membolehkan pandangan, perspektif dan aspirasi yang beragam mempunyai ruang untuk berkembang.

Menyebut contoh seperti pemansuhan Seksyen 377A dan perubahan dalam dasar pemakaian tudung, Encik Tong berkata bahawa perubahan sosial sedemikian tidak dibuat dengan mudah dan merupakan hasil perbincangan yang mendalam.

Walaupun tidak selalu dapat mencari titik persamaan, matlamatnya haruslah "untuk memupuk pemahaman dan penerimaan yang lebih mendalam, dan mencari titik tengah yang boleh diterima oleh kebanyakan orang.”

“Ini akan membantu memastikan bahawa perubahan dapat memperkukuhkan dan bukan merosakkan fabrik sosial kita,” katanya.